

10 JUL 2003

MIC-Harta

SEMUA CALON MIC MESTI ISYTIHAR HARTA

SUNGAI PETANI, 10 Julai (Bernama) -- Semua calon MIC bagi pilihan raya akan datang mesti mengisytiharkan harta mereka, kata Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata segala butiran mengenai harta mereka akan dihantar kepada Perdana Menteri sebagai Pengerusi Barisan Nasional (BN) semasa nama-nama calon berkenaan diserahkan.

"Semua calon dari MIC pada masa akan datang jikalau saya pilih sebagai calon (tapi) kata tidak boleh mengisytiharkan harta...saya kata terima kasih, baliklah rumah.

"Itulah jawapan daripada saya. Sebelum mereka ditetapkan sebagai calon saya mahu mendapat pengisytiharan (harta) dari mereka," katanya kepada pemberita selepas melawat bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Batu Pekakar, di Kuala Ketil dekat sini hari ini.

Bangunan sekolah yang dibina pada tahun 1988 itu musnah dalam kebakaran semalam.

Selasa lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno akan menimbang cadangan supaya setiap calon Umno pada pilihan raya umum akan datang mengisytiharkan harta masing-masing.

Samy Vellu berkata mereka yang ingin berkhidmat untuk rakyat, jujur serta berdedikasi tidak perlu takut untuk mengumumkan mengenai harta mereka.

"Saya sebagai menteri dan anggota Parlimen dari kawasan Sungai Siput pun menghantar laporan harta kepada Perdana Menteri sebagai pengerusi BN setiap tiga tahun sekali," katanya.

Ketika ditanya mengenai peluang Barisan Nasional merampas kembali kerusi Lunas pada pilihan raya umum akan datang, beliau menyatakan keyakinan BN akan menang.

Adalah jelas, katanya, pembangkang tidak boleh membawa apa-apa perubahan dan pembaharuan di kawasan itu dan rakyat kini telah dapat menilainya.

"Pembangkang hanya boleh cakap, tuduh menuduh dan bagi berita palsu dan telah terbukti siapa yang pandai tuduh menuduh tidak boleh buat kerja lain," katanya.

Sementara itu, Samy Vellu berkata bangunan sekolah itu akan diganti dengan kos RM200,000 dan dijangka siap dalam tempoh enam bulan.

-- BERNAMA

SN RON